



31 Mei 2017
31 May 2017
P.U. (A) 158

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE

PERATURAN-PERATURAN KANAK-KANAK (PASUKAN PELINDUNGAN KANAK-KANAK DAN PASUKAN KEBAJIKAN KANAK-KANAK) 2017

CHILD (CHILD PROTECTION TEAM AND CHILD WELFARE TEAM) REGULATIONS 2017

DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA KANAK-KANAK 2001

PERATURAN-PERATURAN KANAK-KANAK (PASUKAN PELINDUNGAN KANAK-KANAK
DAN PASUKAN KEBAJIKAN KANAK-KANAK) 2017

SUSUNAN PERATURAN

Peraturan

1. Nama dan permulaan kuat kuasa
2. Kewajipan Pasukan Pelindungan Kanak-Kanak
3. Pelantikan, pembatalan dan peletakan jawatan anggota Pasukan Pelindungan Kanak-Kanak
4. Mesyuarat Pasukan Pelindungan Kanak-Kanak
5. Kewajipan Pasukan Kebajikan Kanak-Kanak
6. Pelantikan, pembatalan dan peletakan jawatan anggota Pasukan Kebajikan Kanak-Kanak
7. Mesyuarat Pasukan Kebajikan Kanak-Kanak
8. Pembatalan

AKTA KANAK-KANAK 2001

PERATURAN-PERATURAN KANAK-KANAK (PASUKAN PELINDUNGAN KANAK-KANAK
DAN PASUKAN KEBAJIKAN KANAK-KANAK) 2017

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 128 Akta Kanak-Kanak 2001 [*Akta 611*], Menteri membuat peraturan-peraturan yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Kanak-Kanak (Pasukan Pelindungan Kanak-Kanak dan Pasukan Kebajikan Kanak-Kanak) 2017**.

(2) Peraturan-Peraturan ini mula berkuat kuasa pada 1 Jun 2017.

Kewajipan Pasukan Pelindungan Kanak-Kanak

2. (1) Mana-mana Pasukan Pelindungan Kanak-Kanak hendaklah—

- (a) memberitahu apa-apa kejadian penganiayaan dan pengabaian seorang kanak-kanak kepada mana-mana Pelindung atau Pegawai Kebajikan Masyarakat;
- (b) jika terdapat ibu atau bapa peliharaan yang sesuai untuk kanak-kanak yang memerlukan pemeliharaan dan pelindungan, memberitahu mana-mana Pelindung atau Pegawai Kebajikan Masyarakat tentang hakikat itu;
- (c) membantu mana-mana Pelindung atau Pegawai Kebajikan Masyarakat untuk mendapatkan apa-apa latihan dan pekerjaan bagi ibu atau bapa kanak-kanak yang memerlukan pemeliharaan dan pelindungan;

- (d) membantu mana-mana Pelindung atau Pegawai Kebajikan Masyarakat menjalankan fungsinya untuk menyelia mana-mana kanak-kanak yang memerlukan pemeliharaan dan pelindungan;
- (e) menganjurkan program pendidikan awam yang berhubungan dengan kanak-kanak yang memerlukan pemeliharaan dan pelindungan termasuklah ceramah, forum dan aktiviti-aktiviti lain yang berkaitan;
- (f) mengadakan perkhidmatan sokongan, dan menganjurkan program pencegahan dan pemulihan, bagi kanak-kanak yang memerlukan pemeliharaan dan pelindungan;
- (g) bertanggungjawab bagi pengurusan Pusat Aktiviti Kanak-Kanak;
- (h) mengemukakan laporan aktiviti-nya kepada Majlis sebulan sekali; dan
- (i) menjalankan tiap-tiap arahan yang dikeluarkan oleh Majlis.

(2) Bagi maksud subperaturan (1), “Pusat Aktiviti Kanak-Kanak” ertinya suatu pusat yang ditubuhkan oleh Pasukan Pelindungan Kanak-Kanak untuk membantu Pasukan Pelindungan Kanak-Kanak itu mengadakan perkhidmatan sokongan, dan menganjurkan program pencegahan dan pemulihan, bagi kanak-kanak yang memerlukan pemeliharaan dan pelindungan.

Pelantikan, pembatalan dan peletakan jawatan anggota Pasukan Pelindungan Kanak-Kanak

3. (1) Pelantikan seseorang sebagai anggota mana-mana Pasukan Pelindungan Kanak-Kanak oleh Menteri di bawah perenggan 7(2)(a) Akta hendaklah selama tempoh yang tidak melebihi tiga tahun dan orang yang dilantik sedemikian layak untuk dilantik semula.

(2) Pelantikan anggota Pasukan Pelindungan Kanak-Kanak yang disebut dalam subperaturan (1) boleh pada bila-bila masa dibatalkan oleh Menteri.

(3) Mana-mana anggota Pasukan Pelindungan Kanak-Kanak yang disebut dalam subperaturan (1) boleh pada bila-bila masa meletakkan jawatan daripada Pasukan Pelindungan Kanak-Kanak itu mengikut apa-apa cara sebagaimana yang ditentukan oleh Menteri.

(4) Suatu Pasukan Pelindungan Kanak-Kanak hendaklah melantik Timbalan Pengerusi, Setiausaha dan Bendahari daripada kalangan anggotanya.

Mesyuarat Pasukan Pelindungan Kanak-Kanak

4. (1) Mana-mana Pasukan Pelindungan Kanak-Kanak hendaklah bermesyuarat sekurang-kurangnya sekali dalam tiga bulan pada bila-bila masa dan di mana-mana tempat yang ditentukan oleh Pengerusi.

(2) Tiap-tiap mesyuarat Pasukan Pelindungan Kanak-Kanak hendaklah dipengerusikan—

(a) oleh Pengerusi;

(b) jika Pengerusi tidak hadir, oleh Timbalan Pengerusi; atau

(c) jika Pengerusi dan Timbalan Pengerusi tidak hadir, oleh seorang anggota yang dipilih oleh anggota-anggota yang hadir daripada kalangan mereka.

(3) Lima orang anggota Pasukan Pelindungan Kanak-Kanak hendaklah membentuk suatu kuorum pada apa-apa mesyuarat Pasukan Pelindungan Kanak-Kanak itu.

(4) Jika mengenai apa-apa soal yang hendak diputuskan oleh Pasukan Pelindungan Kanak-Kanak terdapat undi yang sama banyak, pengerusi yang mempengerusikan mesyuarat yang disebut dalam subperaturan (2) hendaklah mempunyai undi pemutus sebagai tambahan kepada undi biasanya.